noor izwan architect
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4
Metro Town, Jalan Lintas
88300 Kota Kinabalu, Sabah
T: 088 366 720 . F: 088 366 501
E: noorizwanarchitect@gmail.com

MINIT MESYUARAT

Tarikh	11 Januari 2021 (Isnin)
Masa	10.15 pagi
Tempat	Dalam Talian (Aplikasi Skype)

Cadangan Pembinaan Projek Balai Bomba Dan Penyelamat Beaufort, Sabah.

MESYUARAT TEKNIKAL NO.11

Kehadiran:

Bil	Nama	Disiplin	No. Telefon
(A)	**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**		
1	Pn. Nor Hidayu Binti Jamari	KPKT - USB	010 - 231 1814
(B)	**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Beaufort**		
		JBPM	
		JBPM	
(C)	**Noor Izwan Architect** (Perunding Arkitek)		
2	Ar. Noor Izwan Rahim	NIA	012 - 321 8905
(D)	**Aktif FA Konsult Sdn Bhd** (Perunding Sivil Dan Struktur)		
3	En. Terrance Tang	AFK	016 - 996 1090
4	En. Oh Kok Thu	AFK (ARE)	012 - 866 3113
(E)	**Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd** (Perunding Mekanikal Dan Elektrikal)		
5	En. Abdul Aziz Bin Limat	JPI (IOW)	016 - 826 9409
(F)	**PQS Setia Konsult** (Perunding Ukur Bahan)		
6	En. Sharman Bin Sharif	PQS	010 - 951 3639
(G)	**REMT Utama Sdn Bhd** (Kontraktor Utama)		
7	Pn. Sulastri Binti Pongot	REMT	016 - 835 3423
8	En. Ronny Bin Lesa	REMT	011 - 3646 7021
9	En. Ahmad Khairy Bin Mohd Yasin	REMT (SSS)	013 - 8182879

<table>
<tr><th>No.</th><th>Perkara</th><th>Tindakan</th><th>Tarikh</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td colspan="3">Ucapan Aluan</td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.15 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi diatas kehadiran semua wakil dari setiap pihak.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>1.2</td><td>Minit Mesyuarat Teknikal Perunding No.10 bertarikh 7 Disember 2020 disahkan tanpa sebarang pindaan.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td colspan="3">Keperluan Kontrak dan Laporan Kemajuan Kerja</td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>Berdasarkan kontrak, berikut adalah maklumat berkaitan projek:

<table><tr><td>Harga Kontrak</td><td>RM6,305,978.26</td></tr><tr><td>Tempoh Kontrak</td><td>18 Bulan (546 Hari)</td></tr><tr><td>Tarikh Mula Kerja</td><td>18 November 2019</td></tr><tr><td>Tarikh Siap Asal</td><td>10 Mei 2021</td></tr><tr><td>EOT No.1</td><td>114 Hari (660 Hari)</td></tr><tr><td>Tarikh Siap Baharu</td><td>1 September 2021</td></tr></table>
EOT No. 1 telah mendapat kelulusan secara automatik (tanpa permohonan) disebabkan PKP pandemik covid-19.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.2</td><td>Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan No.11 (09 Januari 2021), secara ringkasnya pihak Kontraktor memaklumkan bahawa kemajuan kerja keseluruhan adalah seperti berikut:

<table><tr><td colspan="4">Kemajuan Fizikal</td></tr><tr><td>Jadual Unjuran Kerja (%)</td><td>Unjuran Sebenar (%)</td><td>Kemajuan Kerja (%)</td><td>Kemajuan Kerja (Hari)</td></tr><tr><td>58.00</td><td>54.00</td><td>-4.00</td><td>-26</td></tr></table>*Peratusan kemajuan ini berdasarkan EOT 1

REMT memaklumkan kerja-kerja yang sedang dilaksanakan adalah:

i) Kerja-kerja piping/plumbing (Blok Utama)
ii) Rumah Sampah
iii) Kerja concreting RC Column di Blok Utama

REMT memaklumkan kelewatan pada kerja piling untuk pembinaan Menara Latihan telah menyumbang kepada kelewatan peratusan kerja fizikal di Tapak selain daripada faktor hujan berpanjangan.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
</table>

نور ازوان ارکیتیك

2.3	REMT memaklumkan kerja berkaitan *soil treatment* di bahagian hadapan Tapak dan pembinaan *Prefabricated Vertical Drain* (PVD) sedang dalam peringkat perlaksanaan.	REMT	07/12/2020
2.4	REMT maklumkan telah membuat penandaan kedudukan *piling* (*entrance culvert*) yang terlibat untuk pembinaan 3 akses di Tapak.	Makluman	25/08/2020
2.5	Berhubung isu *discharge pipe* Rumah Sampah yang akan disambung ke longkang sediada di kawasan hadapan Tapak, REMT akan mengemukakan surat (cadangan) kepada JPI bagi mengelak masalah berbangkit di masa akan datang.	REMT	07/12/2020
2.6	NIA meminta REMT menyediakan senarai *Shop Drawings* diperlukan mengikut skop kerja Perunding bagi memudahkan pemantauan Perunding.	REMT	
3.0	**Arkitektural**		
3.1	NIA memaklumkan sehingga kini bahan yang telah dikemukakan tetapi belum mendapat kelulusan USB adalah: **Skop Kerja** | **Jenis Bahan** - | - REMT diminta oleh USB untuk segera kemuka cadangan bahan lain dari awal. NIA mengesahkan telah menerima beberapa cadangan bahan pada 10 Januari 2020 dan akan membuat penilaian sebelum disyorkan kepada USB.	REMT NIA	14/09/2020
3.2	NIA melaporkan bahawa pihak MDB telah meluluskan (5 Januari 2021) permohonan pengecualian perlantikan Arkitek Lanskap yang dikemukakan oleh UPP KPKT dan permohonan Pelan Lanskap juga tidak perlu dikemukakan kepada MDB.	Makluman	06/07/2020
3.3	NIA akan membuat semakan bersama pihak JBPM berhubung cadangan *turfing* (Pelan Arkitek) di antara laluan jentera dan akses sediada yang berbaki 0.65m berbanding 1.35m memandangkan terdapat *covered drainage* seperti dalam Pelan Jalan Raya AFK. AFK perlu mengubah kedudukan *covered drainage* ke bahagian akses sediada dan kerja-kerja *hacking* perlu dilaksanakan sekiranya JBPM tidak bersetuju dengan pengurangan kawasan *turfing* tersebut.	AFK NIA	07/12/2020

3.4	NIA melaporkan kelulusan bagi 8 cadangan penambahbaikan rekabentuk telah diterima daripada JBPM. USB juga telah membuat semakan lanjut berhubung perubahan kos terlibat dan telah mengeluarkan surat rasmi berhubung perkara ini. Permohonan perubahan kerja tetap perlu dikemukakan kepada USB.	Makluman	10/08/2020
3.5	Bagi cadangan pindaan rekabentuk Tandas (*squatting* kepada *sitting WC*), AFK telah kemuka lukisan perincian kepada PQS. JPI telah buat semakan ke atas kos terlibat dan kos telah dikemukakan kepada UKUB oleh PQS. Seperti dicadangkan oleh USB, NIA akan membuat semakan ke atas keperluan perubahan ini bersama pihak JBPM.	NIA	15/10/2020
3.6	REMT membangkitkan isu pembekal *Fire Door* yang telah diluluskan USB sebelum ini (Serai Harmoni Sdn Bhd) tidak dapat membekalkan bahan atas sebab permintaan yang tinggi. USB mengarahkan REMT untuk mengemukakan surat untuk pertimbangan ke atas cadangan pembekal ke 2 berserta borang cadangan bahan.	REMT	
4.0	**Sivil Dan Struktur**		
4.1	AFK memaklumkan berhubung status kelulusan Pelan Kejuruteraan yang dikemukakan kepada PBT seperti berikut: <u>MSMA</u> Telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Beaufort (MDB) pada 29 Nov 2019. - Ulasan berkaitan *leveling* daripada JPS, JPS Beaufort akan berbincang bersama JPS HQ berdasarkan info daripada AFK. - Ulasan berkaitan *drainage*, AFK telah mendapat kebenaran bertulis daripada Mahkamah Beaufort pada 30 November 2020 berhubung kedudukan *final water discharge outlet.* - Ulasan berkaitan *drainage*, AFK telah kemuka surat kepada JKR bagi mendapatkan kebenaran ke atas ketiga-tiga *entrance culvert* yang terletak di kawasan rizab jalan. Maklum balas JKR belum diperolehi. <u>ESCP</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Berdasarkan ulasan JPS, AFK telah kemukakan Pelan Lokaliti terkini JPBW dan Jabatan Tanah & Ukur.	AFK	03/12/2019

	<u>Sistem Retikulasi</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Belum terima sebarang ulasan daripada JANS. <u>Jalanraya</u> Akan dikemukakan kepada JKR Beaufort sebaik Pelan Jalan Raya disahkan dan ditandatangan oleh KPKT. - Kelulusan perubahan rekabentuk (Arch. - *Parking*) daripada USB telah diserahkan kepada UKAS namun terdapat komen berkaitan *turning radius* di Akses Utama. <u>Pembentungan</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019 dan diluluskan pada 17 September 2020.		
4.2	AFK memaklumkan kos perubahan struktur telah dikemukakan kepada UKAS dan menunggu kelulusan UKAS ke atas pindaan Lukisan Struktur.	AFK	10/08/2020
4.3	REMT memaklumkan bahawa pemeriksaan ke atas penyiapan kerja tambahan 2 *piling point* di Menara Latihan akan dilaksanakan bersama AFK pada 8 Januari 2020 memandangkan terdapat percanggahan kedudukan *piling* yang dibina dengan lukisan *As-Built* yang dikemukakan seperti dimaklumkan AFK.	REMT AFK	15/10/2020
4.4	AFK memaklumkan terdapat maklum balas daripada UKAS berhubung *turning radius* di Akses Utama yang perlu dibesarkan kepada 12m (asal radius 6m) dan memberi kesan kepada kedudukan *culvert*. AFK perlu menyediakan lukisan pindaan kepada REMT dan mengesahkan perubahan ini tidak memberi kesan kepada kedudukan akses dan saiz *culvert*.	AFK	
5.0	**Mekanikal Dan Elektrikal**		
5.1	REMT memaklumkan akan kemuka *shop drawings* selepas mesyuarat ini kepada pihak JPI.	REMT	03/12/2019
5.2	JPI mengesahkan pengemukaan sub-con Elektrikal telah diluluskan oleh Unit Elektrikal KPKT.	Makluman	03/03/2020
5.3	JPI memaklumkan telah mengemukakan semula lukisan rekabentuk pencawang SESB pada 20 Oktober 2020 kepada pihak SESB Beaufort dan masih menunggu maklum balas bertulis daripada SESB.	JPI	03/12/2019

5.4	JPI memaklumkan justifikasi perubahan lokasi dan saiz SESB akan diserahkan kepada PQS setelah pengesahan muktamad diperolehi daripada SESB. Semakan berhubung *contribution cost* untuk permohonan bekalan elektrik (PD9 *Form*) juga akan dibuat setelah surat pengesahan diterima,	JPI	03/03/2020
5.5	REMT akan menyerahkan senarai perincian Sistem AV kepada JPI sebelum 31 Januari 2020.	REMT	03/03/2020
5.6	JPI memaklumkan SESB HQ yang sepatutnya hadir ke Tapak pada 19 Oktober 2020 (bagi menentukan penambahan ketinggian tiang serta kabel elektrik di tiga akses tapak) ditunda ke tarikh yang akan dimaklumkan kemudian disebabkan PKPB. REMT juga perlu berbincang semasa lawatan SESB berhubung kedudukan kabel di bahagian *decorative fencing* yang akan mengganggu kerja *piling*.	JPI REMT	06/07/2020
5.7	JPI mengesahkan telah menerima cadangan bahan bagi *underground piping* daripada REMT berserta sijil SIRIM yang diperbaharui dan telah dikemukakan kepada W6. Kelulusan masih belum diperolehi.	JPI	15/10/2020
5.8	AFK mengesahkan keperluan pembinaan *ramp* di pencawang SESB dan lukisan perincian telah dimuktamadkan namun kedudukan *ramp* akan ditentukan sebaik kedudukan pencawang ditetapkan oleh SESB.	Makluman	06/11/2020
6.0	**Ukur Bahan**		
6.1	Berikut adalah perkara berkaitan permohonan perubahan rekabentuk daripada perunding: i) Akses baharu ke Kuarters sediada. - Semakan semula kos sedang dibuat dan akan dikemukakan kepada W6 pada minggu ini. ii) Perubahan perincian *Compartment.* - REMT perlu kemukakan sebut harga kepada PQS untuk semakan kos. iii) Parkir Berbumbung (5 kepada 6 parkir). - PQS telah kemuka permohonan KPK kepada W6 pada 8 Januari 2021. Akan dikemukakan kepada UKUB setelah disahkan oleh W6.	 PQS REMT PQS	03/12/2019

	iv) Perubahan struktur di Blok Utama, Menara Latihan, Rumah Pam & Parkir Berbumbung. - PQS telah kemuka permohonan KPK kepada W6 pada 8 Januari 2021. Akan dikemukakan kepada UKUB setelah disahkan oleh W6. v) Perubahan lokasi dan saiz bangunan pencawang SESB. - PQS telah kemuka permohonan KPK kepada W6 pada 31 Disember 2020. Akan dikemukakan kepada UKUB setelah disahkan oleh W6.	PQS PQS	
6.2	PQS memaklumkan bagi setiap KPK yang telah dikemukakan kepada W6 akan dikemukakan kepada UKUB dan Perunding diminta bersedia dengan justifikasi ke atas setiap perubahan.	Makluman	
7.0	**Hal-hal Lain**		
7.1	REMT telah mengemukakan Pelan *Survey* yang disahkan dan ditandatangan oleh *Surveyor* kepada W6 pada 9 Disember 2020 dan majukan salinan kepada setiap Perunding.	Makluman	15/10/2020
7.2	NIA maklumkan telah mengemukakan surat pengesahan (10 Disember 2020) kepada JBPM ke atas cadangan REMT berhubung lokasi pemindahan Pili Bomba sediada. Kerja-kerja pemindahan akan dilaksanakan sebaik kerja pembinaan Setor Logistik, Menara Latihan dan Kolah Air selesai.	Makluman	06/11/2020
7.3	REMT mengambil maklum untuk menyegerakan pengemukaan cadangan bahan dan shop drawing berkaitan kerja-kerja M&E dari semasa ke semasa.	Makluman	
8.0	**Penutup**		
8.1	Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.45 pagi dan Mesyuarat Teknikal No. 12 akan dimaklumkan kemudian.	Makluman	

Disediakan oleh:
noor izwan **architect**

Ar. NOOR IZWAN RAHIM
Principal
13 Januari 2021